

10/02/2003

Keadilan yakin pilihan raya sebelum Oktober

KOTA KINABALU: Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak menolak kemungkinan pilihan raya umum diadakan sebelum Oktober ini, atas alasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah mengubah fikiran.

Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu sebelum ini pernah berbuat demikian termasuk ketika menukar Timbalan Perdana Menteri dan boleh mengulangnya lagi.

"Pilihan raya akan diadakan atas nasihat Perdana Menteri dan sudah tentu beliau seorang saja yang tahu tarikhnya, tapi Perdana Menteri boleh tukar fikiran sebagaimana dia tukar timbalannya dulu," katanya selepas menghadiri majlis Tahun Baru Cina Keadilan Sabah di Restoran Grand Port View di Jalan Haji Saman, di sini, malam kelmarin.

Dr Wan Azizah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Dr Mahathir, minggu lalu, bahawa pilihan raya umum tidak akan diadakan sebelum persaraannya pada Oktober ini.

Sebelum ini, banyak ura-ura kedengaran kononnya pilihan raya umum akan diadakan sebelum Perdana Menteri menamatkan perkhidmatannya, bagi memastikan kemenangan besar BN.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata Keadilan akan mengadakan pakatan kerjasama dengan pembangkang di Sabah bagi menghadapi pilihan raya negeri yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan parti itu mempunyai peluang baik untuk mencatatkan kemenangan kali ini berdasarkan persiapan serta pengalaman berhadapan situasi serupa sebelumnya.

"Berdasarkan pengalaman menghadapi pilihan raya lalu termasuk beberapa pilihan raya kecil, dan dalam masa berharap ia akan dilaksanakan dengan adil, kita percaya Keadilan mempunyai peluang baik kali ini," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw berpendapat isu peletakan calon parti pembangkang lain di kawasan yang sama tidak timbul kerana setiap parti mempunyai strategi masing-masing pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, menjadi dasar parti itu memastikan pertandingan satu lawan satu menentang BN dan bukannya pertandingan menentang parti pembangkang lain.

Beliau berkata, DAP lebih menumpukan perhatian untuk mendapatkan undi di kawasan bandar dan pinggir bandar berbanding Pas yang lebih tertumpu di kawasan luar bandar di Pantai Timur.